

30 MAY 1997

Anwar-Ekonomi

PENGAGIHAN YANG ADIL KEKUATAN SEBENAR PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

MARANG, 30 Mei (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa dasar kerajaan yang menjamin pengagihan adil merupakan kekuatan sebenar pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya kerajaan sentiasa mengambilkira pengagihan pembangunan supaya jurang antara kawasan bandar yang kaya dan kawasan kampung yang miskin tidak lebih melebar.

"Kekuatan asas ekonomi Malaysia ialah kerana kita tidak biarkan pembangunan di satu kawasan atau tempat tertentu misalnya di pantai barat, dan kawasan lain dipinggirkan," katanya ketika merasmikan tapak Pusat Pertumbuhan Baru Marang di Undang di sini hari ini.

Beliau menjelaskan bahawa kerajaan mengambil pendekatan bagi memastikan pertumbuhan yang adil supaya masyarakat yang di bawah, diberi keselesaan.

"Mana mungkin pertumbuhan ekonomi dikekalkan kalau sistem politik tidak stabil, mana mungkin sistem politik stabil kalau sistem ekonomi tidak memberi keselesaan kepada rakyat," katanya.

Kerajaan berpendirian bahawa kalau industri besar tidak boleh di bawa ke kawasan-kawasan kampung, cukup jika ada industri kecil dan sederhana.

Anwar berkata angka-angka terbaru menunjukkan kekuatan asas ekonomi negara akan berterusan. Sektor perkilangan menunjukkan peningkatan 12.9 peratus dalam suku pertama tahun ini berbanding tahun lepas manakala inflasi lebih terkawal, tiga peratus berbanding 3.4 peratus dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Imbangan perdagangan luar negara yang menunjukkan defisit lebih RM1 bilion pada suku pertama tahun lepas bertambah baik dengan lebih RM2 bilion.

Pemangku Perdana Menteri berkata rezab antarabangsa negara juga meningkat daripada RM65,000 juta tahun lalu kepada RM71,000 juta tahun ini.

Katanya kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, lebih daripada lapan peratus, kini menjangkau tahun ke sembilan dan masuk tahun ke-10.

Anwar berkata kejayaan yang ada perlu ditingkatkan dengan lebih pantas supaya Malaysia mampu menjadi contoh kepada negara-negara Islam lain.

Anwar juga berkata Malaysia mesti menjadi negara yang kaya dalam bidang industri dan teknologi maklumat kalau mahu terus maju.

Katanya Koridor Raya Multimedia yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi pusat bagi berkembangnya teknologi maklumat di seluruh negara dan mesti difahami serta dikuasai anak-anak tempatan.

Beliau mengingatkan rakyat tempatan terutama umat Islam supaya menyediakan program dan perisian sendiri, jika tidak mahukan teknologi itu menjadi masalah dan beban kerana kemasukan idea-idea yang merosakkan.

Anwar yang diiringi isteri Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail bagi lawatan sehari ke Terengganu kemudian menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara kerajaan dan Malaysian Industrial Estate Sdn Bhd bagi pembangunan kawasan industri kecil dan sederhana di tapak kira-kira 200 hektar di situ.

-- BERNAMA

SBJ RON